KYSM terbuka potensi kerjasama institusi lain (Berita Harian – 7 Ogos 2023)



Kolej Yayasan Saad Melaka (KYSM).

KUALA LUMPUR: Kolej Yayasan Saad Melaka (KYSM) terbuka dengan sebarang peluang berpotensi sama ada untuk bergabung atau bekerjasama dengan mana-mana syarikat yang berminat untuk menguruskan aset fizikal mereka.

Pengerusi Lembaga Pengurusannya, Prof Dr Mohd Azizan Mohd Noor, berkata ini kerana dengan cara itu akan membolehkan mereka untuk memberi tumpuan terutamanya kepada pendidikan.

"Dari perspektif kewangan dan operasi, kami mengekalkan dana rizab yang sihat untuk menguruskan sebarang cabaran kewangan yang tidak dijangka.

"Kami juga sentiasa memantau penunjuk ekonomi dan menyesuaikan perancangan belanjawan kami dengan sewajarnya untuk mengoptimumkan peruntukan sumber," katanya dalam satu temu bual ekslusif bersama BH baru-baru ini.

Mengulas lanjut Dr Mohd Azizan berkata, pihaknya amat percaya dengan permintaan berterusan untuk pendidikan berkualiti, dan misi mereka adalah untuk terus memenuhi keperluan itu.

Katanya, dengan rekod prestasi 28 tahun yang kukuh dan warisan alumni yang memberi impak, pihaknya telah membuktikan komitmen terhadap kecemerlangan.

"Sekolah kami sedar sepenuhnya mengenai potensi risiko yang dibentangkan oleh keadaan ekonomi dan dasar pendidikan yang berubah-ubah, dan mempunyai pelan kontingensi yang mantap.

"Pelan ini merangkumi aspek kewangan, operasi dan pendidikan untuk memastikan kami dapat menyesuaikan diri dengan cepat dan terus menyediakan pendidikan berkualiti tinggi dalam sebarang senario," katanya.



Wakil program pertukaran pelajar Russia bersama pelajar KYSM.

Tambah beliau, dari segi perubahan dasar, mereka mempunyai pasukan khusus yang sentiasa mengikuti perkembangan dasar pendidikan tempatan, kebangsaan dan antarabangsa.

"Ini membolehkan kami menyesuaikan kurikulum dan amalan pengajaran kami dengan pantas sebagai tindak balas kepada sebarang perubahan.

"Tambahan pula, kami terbabit secara aktif dengan pembuat dasar melalui forum pendidikan dan proses perundingan untuk menyumbangkan pandangan kami dan membantu membentuk dasar pendidikan masa depan," katanya.

KYSM yang terletak di Durian Tunggal, Melaka ialah sebuah sekolah menengah swasta yang ditubuhkan pada tahun 1995. Ia menawarkan pendidikan kebangsaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) berkualiti tinggi kepada pelajar berumur di antara 13 dan 17 tahun.